

Media: Kosmo

Date: 2 February 2024

Ajinamoto, Le Creuset tawar hadiah RM38,888

PETALING JAYA – Ajinomoto (Malaysia) Berhad dan jenama peralatan memasak terkemuka dunia, Le Creuset menawarkan pelbagai hadiah menarik bernilai sehingga RM38,888 menerusi Kempen Beli & Menang dari 1 hingga 29 Februari ini.

Kerjasama antara kedua-dua syarikat diadakan sempena sambutan Tahun Baru Cina itu memberikan pemenang peralatan memasak Le Creuset dan kredit Touch & Go.

Orang ramai akan beroleh penyertaan menerusi dua langkah mudah, yang pertama ialah dengan membuat pembelian produk Ajinomoto dengan nilai minimum RM15 pada satu resit.

Kedua, mereka perlu berkongsi gambar resit beserta butiran nama penuh dan

nombor kad pengenalan menerusi WhatsApp di 019-220 9950.

Ajinamoto dalam satu kenyataan berkata, sempena kempen itu, pihaknya turut berkongsi sembilan koleksi resipi Tahun Baharu Cina yang mudah dan istimewa bagi memberikan pengalaman kulinari baharu buat pengguna.

"Antaranya Aneka Cendawan Goreng bersama Abalon dan Kekapis, Udang dan Kepah Bawang Putih Kukus, Sup Ayam dan 'Fish Maw' serta Ajinomoto Gyoza.

"Setiap hidangan dilimpahi kasih sayang dan memberikan kenangan abadi bagi membantu pelanggan memahami moto kami, *Eat Well, Live Well*," katanya.

The graphic displays the following prizes and their values:

- 1st Prize:** Le CREUSET Dutch French Oven + Square Skillet Grill (RM38,888)
- 2nd Prize:** Le CREUSET Square Skillet with Lid (RM10,000)
- 3rd Prize:** Le CREUSET Dutch Oven (RM5,000)
- Consolation Prize:** Le CREUSET Square Pan (RM800)
- Bi-weekly Winners:** Touch n Go Credit of RM20

PELANGGAN Ajinomoto berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik dengan kerjasama Le Creuset.